Bahasa Tamil

Tamil (தமிழ் tamiḻ) merupakan bahasa klasik dan salah satu bahasa utama dalam keluarga bahasa Dravidian. Ditutur secara meluas oleh bangsa Tamil di India selatan dan Sri Lanka, bahasa Tamil juga ditutur oleh komuniti kecil di negara lain. Setakat tahun 1996, bahasa ini menjadi bahasa ke-18 paling banyak ditutur di dunia, dengan jumlah penuturnya melebihi 74 juta orang.

Sebagai salah satu di antara bilangan kecil bahasa klasik yang tinggal di dunia, bahasa Tamil mempunyai tradisi kesusasteraan yang sukar dilunturkan sejak lebih dua alaf. Tulisan bahasa Tamil memang sedikit perubahannya sepanjang tempoh tersebut. Kesannya, kesusasteraan klasik banyak diterapkan dalam pertuturan harian seperti kesusasteraan moden. Murid-murid sekolah Tamil, contohnya, masih diajar aksara-aksara Tamil melalui kaedah **átticúdi**, kaedah rima abjad yang direka kira-kira pada abad pertama Masihi.

Nama 'Tamil' bersempena bentuk "pembaratan" bagi nama asal தமிழ் (/t̪ɐmɨɻ/). Huruf terakhir nama tersebut, yang lazimnya ditranskripsi sebagai huruf kecil *l* atau *zh*, merupakan *l* yang dihasilkan apabila menggulungkan lidah ke belakang. Dalam transkripsi fonetik, huruf ini biasanya dilambangkan dengan simbol **penggeseran gelungan**.

Isi kandungan

- Sejarah
- Sistem penulisan
- Fonologi
  - Vokal
  - Konsonan
  - Aytam
- Pautan luar
- Rujukan

Sejarah

Bahasa Tamil

தமிழ்

Sebutan	*akan ditambah*
Asli di	India dan Sri Lanka, dengan minoriti penting di Singapura, Malaysia, Indonesia, Dubai, Mauritius, dan Afrika Selatan, dan komuniti emigran seluruh dunia
Penutur asli	74 juta (1999) (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Dravidia ▪ Selatan ▪ Tamil-Kannada ▪ Tamil-Kodagu ▪ Tamil-Malayalam ▪ **Bahasa Tamil**
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	India, Sri Lanka dan Singapura
Dikawal oleh	Pelbagai akademi dan Kerajaan dari Tamil Nadu
Kod bahasa	
ISO 639-1	`ta`
ISO 639-2	`tam`

Laman ini mengandungi teks Indic. Tanpa menjadikan sokongan anda mungkin melihat vokal janggal berposisi dan kekurangan bergabung. Lebih...

Tamil ialah salah satu bahasa-bahasa kuno di dunia dengan sejarah yang menjangkau 6000 tahun dan hasil sastera yang berusia lebih 2000 tahun.[1][2][3] Asal-susl bahasa Tamil tidaklah berapa jelas, namun bahasa ini berkembang dan mekar di India sebagai bahasa berdikari yang kaya dengan sastera.[1][4] Lebih 55% daripada catatan epigrafik di India ditemui dalam bahasa Tamil[5] Berbeza daripada di Karnataka dan Andhra Pradesh di mana catatan awal ditulis dalam bahasa Sanskrit, catatan awal di Tamil Nadu hanya menggunakan bahasa Tamil.[6] Bahasa Tamil mempunyai sastera yang tertua di kalangan bahasa Dravidia, tetapi adalah sukar untuk mengukur usia bahasa dan sasteranya secara tepat. Karya sastera di India dipelihara sama ada pada manuskrip daun palma (menandakan salinan berulang-ulang) atau melalui penyampaian oral, mengakibatkan pentarikhan karya-karya tersebut mustahil.[7] Namun begitu, catatan kronologi luaran dan bukti lingustik dalaman menunjukkan bahawa karya-karya paling lama yang masih wujud barangkali disusun lebih kurang antara abad ke-2 SM dan abad ke-10 Masihi.[8][9][10]

Satu set manuskrip daun palma dari abadke-15 atau ke-16, mengandungi doa Kristian dalam bahasa Tamil.

Pembuktian epigrafik bahasa Tamil bermula dengan catatan pada batu sejak abad ke-2 SM, ditulis dalam Tamil-Brahmi, iaitu bentuk adaptasi dari skrip Brahmi.[11][12] Teks sastera paling lama yang masih wujud ialah Tolkāppiyam, sebuah karya puisi-pusisi dan nahu yang menerangkan bahasa zaman klasik, iaitu barangkali antara abad pertama SM dan abad ke-10 Masihi.

Pra pengkaji bahasa Tamil membahagikan kesusasteraan dan bahasa Tamil kepada zaman-zaman berikut:[13]

1. Sangam (300 SM—300 M)
2. Zaman pasca-Sangam (300—600 M)
3. Zaman Bhakthi (600—1200 M)
4. Zaman Pertengahan (1200—1800 M)
5. Zaman Moden (1800—kini)

Kesusasteraan Sangam mengandungi kira-kira 50,000 baris puisi yang terkandung dalam 2381 puisi yang dihasilkan oleh 473 orang pemuisi termasuk ramai wanita.[14][15] Kebanyakan puisi Sangam juga disesuaikan dengan iringan muzik.[16] Ketika zaman pasca-Sangam, terhasilnya karya-karya penting seperti Thirukkural, serta puisi epik seperti Silappatikaram, Manimekalai, dan *Sīvakacintāmani*. Zaman Bhakthi dikenali kerana banyak mencurahkan lagu sembahyang diiringi dengan muzik pann, termasuk 9,295 lagu Tevaram mengenai Saivisme dan 4,000 lagu bagi Vaishnavism yang paling dikenali.[17] Zaman pertengahan awal menyaksikan salah satu adaptasi bahasa Tamil yang masyhur bagi epik Ramayana, dikenali sebagai Kampa Ramayanam dan certia 63 Nayanmar yang dikenali sebagai Periyapuranam.

Sistem penulisan

Rencana utama: Skrip Tamil

Bahasa Tamil ditulis dengan sistem tulisan bergelar *vaṭṭeḻuttu*, iaitu sejenis abugida yang tergolong dalam famili Brahmi. Skrip Tamil merangkumi 12 huruf vokal, 18 konsonan dan satu aksara khas, iaitu *āytam*. Bunyi-bunyi vokal dan konsonan saling bergabung untuk membentuk 216 gugusan aksara, menjadikannya sejumlah 247 aksara. Sepertilah skrip Indic yang lain, semua konsonan mempunyai bunyi vokal *a* dalaman yang, dalam bahasa Tamil, digugurkan dengan membubuh titik di atas bergelar *puḷḷi*, pada aksara konsonan terbabit. Berbeza daripada kebanyakan skrip Indic, skrip Tamil ditak membezakan plosif bersuara

dan tidak bersuara. Sebaliknya, plosif disebut dengan atau tanpa suara bergantung kepada kedudukannya dalam sesuatu perkataan, menurut hukum-hukum fonologi bahasa Tamil seperti yang dibincangkan di bawah.

Sejarah tulisan Tamil.

Skrip Tamil berevolusi daripada satu bentuk skrip Brahmi Asoka yang dipanggil Tamil-Brahmi atau Tamili, yang berbeza daripada Asokan Brahmi pada beberapa sudut. Menjelang abad ke-9, Tamil-Brahmi berevolusi menjadi aksara-aksara yang lebih bulat bergelar *vatteluttu* (maksudnya, *huruf berlengkung*), maka dari inilah berevolusinya skrip moden. Pada abad ke-18, beberapa perubahan dilakukan pada skrip oleh mubaligh Itali bernama Constanzo Beschi, dikenali oleh orang-orang Tamil sebagai Veeramamunivar, bagi memudahkan cetakan skrip tersebut. Ini termasuk membubuh penanda vokal pada kedua-dua belah kiri dan kanan konsonan. Sekitar tahun 1935, E.V.Ramaswamy Periyar mencadangkan perubahan lagi agar lebih tahan uji dalam pencetakan.[18] Sebilangan daripada cadangan-cadangan tersebut diterapkan oleh kerajaan M.G. Ramachandran pada tahun 1978.

Fail:Vatteluttu2.png
Inskripsi *vaṭṭeḻuttu* abad ke-11, dari Kuil Brihadisvara di Thanjavur

Selain aksara-aksara piawai, enam aksara yang dipinjam dari skrip Grantha lalu digunakan dalam kawasan Tamil untuk menulis bahasa Sanskrit, kadang-kadang digunakan untuk mewakili bunyi-bunyi yang tidak terdapat dalam bahasa Tamil, iaitu kata-kata pinjaman dari bahasa Sanskrit, Prakrit dan bahasa lain. Sistem tradisional bagi menulis kata pinjaman yang melibatkan menejanya semula mengikut fonologi bahasa Tamil dikekalkan.[19]

Fonologi

Fonologi bahasa Tamil disifatkan dengan kehadiran konsonan retrofleks, dan hukum-hukum ketat bagi pengedaran sesama perkataan berplosif bersuara dan tidak bersuara. Fonologi bahasa Tamil membernarkan sedikit sahaja gugusan konsonan yang tidak boleh memulakan mana-mana perkataan. Ahli nahu tempatan mengelaskan fonem-fonem bahasa Tamil kepada vokal, konsonan, dan "aksara sekunder", iaitu āytam.

Vokal

Vokal-vokal Tamil bergelar *uyireḻuttu* (*uyir* – nyawa, *eḻuttu* – huruf). Vokal-vokal ini dikelaskan kepada vokal pendek (*kuṟil*) dan panjang (*neṭil*) (lima bunyi vokal bagi setiap kelas) serta dua diftong, /ai/ dan /au/, dan tiga vokal "dipendekkan" (*kuṟṟiyal*).

Vokal panjang kira-kira dua kali ganda kepanjangan vokal pendek. Diftong pula biasanya disebut kira-kira 1.5 kali panjangnya berbanding vokal pendek, meskipun kebanyakan buku teks nahu mengelaskan mereka bersama vokal panjang.

	Pendek			**Panjang**		
	Hadapan	**Tengah**	**Belakang**	**Hadapan**	**Tengah**	**Belakang**
Tertutup	i		u	iː		uː
Separuh buka	e	(ə)	o	eː		oː
Terbuka		a		(æː)	aː	(ɔː)

Konsonan

Konsonan bahasa Tamil dikenali sebagai *meyye̲ḻuttu* (*mey* — badan, *e̲ḻuttu* — huruf). Konsonan dikelaskan kepada tiga kategori, setiap satunya denfan enam fonem: *valli̲ṉam* — keras, *melli̲ṉam* — lembut atau nasal, dan *iṭayi̲ṉam* — sederhana.

Berbeza daripada bahasa-bahasa India yang lain, bahasa Tamil tidak mengandungi konsonan beraspirasi. Tambahan pula, penyuaraan plosif dikawal oleh hukum-hukum ketat dalam *centami̲ḻ*. Konsonan plosif tidak bersuara apabila dihasilkan pada permulaan perkataan atau digandakan. Jika di tempat lain konsonan tersebut disuarakan, dengan sebilangan kecilnay menjadi frikatif secara intervokal. Konsonan nasal dan anggaran sentiasa disuarakan.[20]

Carta fonem konsonan bahasa Tamil dalam IPA seperti berikut:[21]:

Bagi bahasa Tamil moden (petikan daripada Annamalai dan Steever 1998: 100-28)

	Bibir	Gigi	Alveolar	Retrofleks	Lelangit	Velum
Plosif	p (b)	t̪ (d̪)		ʈ (ɖ)	tʃ (dʒ)	k (g)
Nasal	m	n̪	n̺	ɳ	ɲ	ŋ
Rhotik		ɾ̪	r			
Lateral		l̪		ɭ		
Anggaran	ʋ			ɻ	j	

Bunyi /f/ dan /ʂ/ dijadikan pesisiran dalam fonologi bahasa Tamil, hanya dijumpai dalam kata pinjaman dan sering diganti oleh bunyi tempatan. Terdapat hukum-hukum yang dijelaskan untuk elisi dalam bahasa Tamil yang dibahagikan kepada berbagai-bagai kelas berdasarkan fonem yang melalui elisi.

Aytam

Bahasa Tamil Klasik juga mengandungi fonem bergelar *āytam*, ditulis sebagai 'ஃ'. Ahli bahasa Tamil pada zaman dahulu mengelaskannya sebagai aksara khas (*cārpe̲ḻuttu*), tetapi kini aksara ini amat jarand ditemui dalam bahsa Tamil moden. Hukum-hukum sebutan yang diberi dalam Tolkāppiyam, kitab mengenai tatabahasa Tamil klasik, mencadangkan bahawa *āytam* ini mungkin menyertakan hentian glotis dengan bunyi-bunyi yang digabungkan dengannya. Terdapat satu lagi kemungkinan bahawa *āytam* digunakan untuk mewakili implosif bersuara (atau bahagian penutup separuh awal) bagi plosif bersuara digeminasi voiced dalam sesuatu perkataan.[22]

Pautan luar

Am

- Laporan Ethnologue (http://www.ethnologue.org/show_language.asp?code=tam)
- Omniglot resource (http://www.omniglot.com/writing/tamil.htm)
- Rosetta Project Archive (http://www.rosettaproject.org/archive/dravidian/asia/tcv/view?searchterm=tamil)
- Language Museum report (http://www.language-museum.com/t/tamil.htm)
- UCLA Tamil Profile (http://www.lmp.ucla.edu/profiles/proft02.htm)

- Classical Tamil Website (http://www.ciil-classicaltamil.org)
- International Forum for Information Technology in Tamil (http://www.infitt.org)
- Tamil Language & Literature (http://www.tamilnation.org/literature/)
- A Video Essay on Tamil (http://web.archive.org/20060719192357/web.mac.com/mvbhaskar/iWeb/Uur/Uur.html)

Sumber pembelajaran atas talian

- Tamil Language In Context (http://lrrc3.sas.upenn.edu/tamilonline/) – Projek yang menawarkan kursus pembelajaran bahasa Tamil, termasuk pembelajaran video.
- Web Assisted Learning and Teaching of Tamil (http://ccat.sas.upenn.edu/plc/tamilweb/) – Pembelajaran bahasa Tamil Universiti Pennsylvania.

Rujukan

1. M. B. Emeneau (1956). "India as a Lingustic Area" (http://links.jstor.org/sici?sici=0097-8507%28195601%2F03%2932%3A1%3C3%3AIAALA%3E2.0.CO%3B2-X). *Language* (dalam bahasa English). **32** (1): 5. Dicapai pada 2007-05-03. "Of the four literary Dravidian languages, Tamil has voluminous records dating back at least two millenia" Parameter `|month=` yang tidak diketahui diendahkan (bantuan)
2. Burrow, Thomas (2001). *The Sanskrit Language*. Motilal Banarsidass Publications. m/s. 337. ISBN 8120817672. "…In the case of Tamil the literary tradition goes back for at least two thousand years…"
3. CIIL. "Introduction to Tamil" (http://www.tamil-online.info/Introduction/introduction.htm). Cental Institute of Indian languages. Dicapai pada 2007-05-15.
4. Caldwell, Robert
5. Staff Reporter (November 22 2005). "Students get glimpse of heritage" (http://www.hindu.com/2005/11/22/stories/2005112215970400.htm). The Hindu. Dicapai pada 2007-04-26. Periksa date values in: `|date=` (bantuan)
6. Caldwell, Robert (1875). *A comparative grammar of the Dravidian or South-Indian family of languages*. Trübner & co. m/s. 88. "In Karnataka and Telingana, every inscription of an early date and majority even of modern day inscriptions are written in Sanskrit...In the Tamil country, on the contrary, all the inscriptions belonging to an early period are written in Tamil"
7. Dating of Indian literature is largely based on relative dating relying on internal evidences with a few anchors. I. Mahadevan's dating of Pukalur inscription proves some of the Sangam verses. See George L. Hart, "Poems of Ancient Tamil, University of Berkeley Press, 1975, p.7-8
8. George Hart, "Some Related Literary Conventions in Tamil and Indo-Aryan and Their Significance" *Journal of the American Oriental Society*, 94:2 (Apr - Jun 1974), pp. 157-167.
9. Kamil Veith Zvelebil, *Companion Studies to the History of Tamil Literature*, pp12
10. **Ralat petik: Tag `<ref>` tidak sah; teks bagi rujukan `sastry1955` tidak disediakan**
11. "Tamil" (http://www.lmp.ucla.edu/Profile.aspx?LangID=99&menu=004). *The Language Materials Project*. UCLA International Institute, UCLA. Dicapai pada 2007-03-25.
12. Iravatham Mahadevan (2003). Early Tamil Epigraphy from the Earliest Times to the Sixth Century A.D. Cambridge, Harvard University Press.
13. A. Velupillai. "An Introduction to the History of Tamil People" (http://tamilelibrary.org/teli/tamil.html). Dicapai pada 2007-05-14.
14. Rajam, V. S. 1992. A reference grammar of classical Tamil poetry: 150 B.C.-pre-fifth/sixth century A.D.. Memoirs of the American philosophical society, v. 199. Philadelphia, Pa: American Philosophical Society. p12

15. Dr. M. Varadarajan, *A History of Tamil Literature*, (Translated from Tamil by E.Sa. Viswanathan), Sahitya Akademi, New Delhi, 1988 p.40
16. http://www.carnatica.net/tmusic.htm
17. P.Ramanatha Pillai (Ed), Panniru thirumuraip perunthirattu (Tamil), Saiva Siddhanta Publishers, Chennai, 1961 p.3-4
18. "Alphabet Reforms" (http://www.uni-giessen.de/~gk1415/revolutionary.htm#9). *The Revolutionary Sayings of Periyar*. Dicapai pada 2007-03-25.
19. Seperti ang disarankan dalam nahu tradisional, prosa Tolkāppiyam. *Lihat* Tolkāppiyam, Nūrpā 401, "vadacol kiLavi vadavezuttu oriii"; dalam bahasa Tamil, "வடசொற் கிளவி வடவெழுத் தொரீஇ" Hukum ini terkandung dalam Bab mengenai *col* ("kata"), dalam Bahagian bagi *eccaviyal*, எச்சவியல்" ("bahan tambahan")
20. *See e.g.* the pronunciation guidelines in G.U. Pope (1868). *A Tamil hand-book, or, Full introduction to the common dialect of that language*. (3rd ed.). Madras, Higginbotham & Co.
21. E. Annamalai and S.B. Steever, Modern Tamil in S.B. Steevar (Ed.)The Dravidian Languages, London and New York, Routledge 1998, p100-128
22. *See generally* F. B. J. Kuiper, "Two problems of old Tamil phonology", *Indo-Iranian Journal* 2:3 (September 1958) pp. 191-224, esp. pp. 191-207.

Wikipedia ***Bahasa Tamil***, ensiklopedia bebas

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Tamil&oldid=4694606"

Laman ini kali terakhir disunting pada 00:34, 31 Disember 2019.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.